

Headline **Usah peralat isu perkauman kerana politik**  
 Date **05. Oct 2008**  
 Media Title **Berita Minggu**  
 Section **Nasional**  
 Circulation **342946**  
 Readership **2476000**

Language **MALAY**  
 Page No **28,29**  
 Article Size **1692 cm<sup>2</sup>**  
 Frequency **Daily**  
 Color **Full Color**  
 AdValue **29940.64**



**SOAL JAWAB**

## Usah peralat isu perkauman kerana politik

Usaha pererat hubungan rakyat perlu dipertingkat elak ketegangan berterusan

**DR SARJIT SINGH  
DARSHAN SINGH**



■ MENGAPAKAH hubungan kaum masih menjadi masalah tidak berpenghujung di Malaysia. Sewajarnya selepas 51 tahun merdeka, perkauman tidak lagi menjadi isu besar, tetapi keadaan sebaliknya berlaku. Apakah yang tidak kena mengenai hubungan antara kaum di negara ini. Ikuti kupasan persoalan ini oleh Pensyarah Kanan Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Sarjit Singh Darshan Singh kepada wartawan Berita Minggu, Rohaniza Idris. Mohd Azis Ngah, pula mendapatkan pandangan Ketua Sekolah Sains Sosial Universiti Monash, Prof James U H Chin.

nasional, negeri, daerah dan kampung. Namun, interaksi tidak formal kurang berlaku. Dari segi formal, memang ada interaksi seperti di sekolah, pejabat dan program khusus. Di sekolah, interaksi antara kaum berlaku dan apabila sekolah tiada, interaksi terbatas. Sebagai contoh ialah program Sekolah Wawasan. Semua sekolah disatukan dalam satu kawasan serta berkongsi perpustakaan, peralatan dan sumber pembelajaran yang sama. Terdapat juga modul PLKN di sekolah-sekolah yang membentuk rakan sebangku. Tetapi, masih banyak modul.

PLKN perlu fokus dan bukannya menjadi tempat longgok untuk menyelesaikan masalah sosial. Reaksi pelajar terhadap PLKN memang baik dan mereka berasaskan tiga bulan terakhir singkat untuk membina jati diri mereka.

■ Ada pandangan bahawa hubungan antara kaum peringkat akar umbi baik, tetapi politik me-

■ Faktor dalaman yang menggugat hubungan kaum wujud kerana ramai tidak memahami budaya kaum lain serta pemimpin dan ahli politik yang tidak cenderung memahami budaya kaum lain"

■ Masyarakat tidak ada masalah kerana boleh menerima antara satu sama lain. Kerjasama dan persefahaman sudah ada, malah masyarakat meraikan kepelbagaian kaum sebagai keunikan negara kita"


**Dr Sarjit Singh  
Darshan Singh**  
Pensyarah Kanan  
Jabatan Sains  
Kemasyarakatan dan  
Pembangunan, Universiti  
Putra Malaysia (UPM)

Majoriti ahli politik tidak memahami budaya kaum dan lebih selesa dengan budaya masing-masing serta kuat dengan semangat etno etnik, iaitu menganggap budaya masing-masing lebih baik berbanding kaum lain.

Tanpa memahami dan menghormati budaya kaum lain, sukar untuk membina bangsa Malaysia seperti yang termaktub dalam cabaran pertama Wawasan 2020, membina bangsa Malaysia yang bersatu padu. Konsep bangsa Malaysia juga tidak jelas kerana ahli akademik membuat tafsiran yang berbeza dengan ahli politik.

■ Adakah ini bermakna sejak 51 tahun lalu, kerajaan gagal mengukuhkan hubungan kaum di negara ini hingga isu ini masih membawa.

K eraajaan tidak gagal kerana ba nyak program untuk mengeratkan hubungan kaum dilaksanakan seperti Sekolah Wawasan, Program Latihan Khidmat Negara (PLKN), Rukun Tetangga (RT), Dialog Peradaban dan Tamadun Malaysia. Malah, setiap tahun kerajaan mengjurkan rumah terbuka pelbagai perayaan utama negara peringkat



kaan, padang dan kantin, tetapi interaksi masih terbatas.

Kajian kes terhadap pelajar sekolah mengenai interaksi kaum mendapati masih ada masalah dalam hal ini. Gagasan yang kerajaan buat memang baik, cuma pelaksanaan dan penguatkuasaan masih lemah. Begitu juga PLKN yang dimulakan pada 2004. Saya sedang menjalankan kajian keberkesanannya program itu yang akan berakhir Disember ini.

Pada pengamatan saya, PLKN amat baik untuk mengeratkan hubungan antara kaum dan memupuk semangat cintakan negara. Memang ada perubahan menerusi PLKN, ini tetapi tempoh tiga bulan untuk membina jati diri dan semangat bukan mudah, terutama apabila ada

nyebabkan suasana tegang.

Saya bersetuju bahawa ahli politik menyebabkan konflik perkauman berlaku. Kalau kita tanya masyarakat sendiri mengenai hubungan antara kaum, mereka menyatakan tiada masalah. Cuma apabila kita baca dalam surat khabar, masih hubungan kaum ini dibangkitkan oleh peringkat atasan (ahli politik dan pemimpin). Ada ahli politik sengaja membangkitkan isu berhubung sensitiviti agama, budaya dan kaum. Ini perlu dielakkan!

■ Apakah perubahan yang berlaku menerusi pilihan raya umum lalu menyebabkan hubungan antara kaum di negara ini meningkat.

R akyat memang mahukan perubahan, tetapi ahli politik tidak bersedia. Saya melihat pemimpin dan ahli politik Barisan Nasional (BN) yang banyak menghadapi masalah ini. Memang jelas ada konflik seperti Gerakan dan Umno, MCA dan MIC. Rakyat memerlukan perubahan, tetapi BN tidak bersedia berubah.

Pemimpin parti komponen BN lebih suka mengkritik antara satu sama lain. Muhasabah diri masih sama. Contohnya dalam Umno sendiri, akan ada perbalahan dalaman, manakala MCA jelas sudah ada dua kem yang besar. MIC pun begitu, ramai yang menolak pemimpin sedia ada.

■ Bagaimana Akta Hubungan Kaum yang dicadangkan baru-baru ini boleh memperbaiki hubungan antara kaum.

K ita ada banyak akta, tetapi tidak dilaksanakan. Sebenarnya, kita hanya perlu memindahkan akta sedia ada dan bukan membuat akta baru. Memantapkan akta sedia adalah lebih baik.

Berhubung cadangan memperkenalkan Akta Hubungan Kaum, kita perlu melihat tujuan dan isinya. Adakah hubungan kaum dari segi pendidikan, hak asasi atau dari sudut kesamarataan atau bagaimana? Bagi saya yang penting jika akta mahu digubal, kita perlu menghormati, memahami dan mempelajari kaum, budaya dan agama orang lain.

Akta ini jika hendak diwujudkan perlu mempunyai asas yang jelas serta berpaksikan Perlengkapan dan Rukun Negara yang seperti dipinggirkan. Lima prinsip Rukun Negara sangat penting jika kita difahami. Bagaimanapun, kebanyakan orang tidak lagi menghayati dan memahami Rukun Negara.

■ Bagaimana Dr melihat realiti hubungan kaum di Malaysia sepanjang 50 tahun merdeka dan adakah rakyat selesa hidup dalam negara yang pelbagai kaum ini.

M asarakat tidak ada masalah kerana boleh menerima antara satu sama lain. Kerjasama dan persefahaman sudah ada, malah masyarakat meraikan kepelbagaian kaum sebagai keunikan negara kita.

Rakyat memahami budaya, cara hidup dan agama kaum lain, tetapi ahli politik yang tidak matang menggunakan isu perkauman untuk menggalih sokongan dan menjadikannya hero. Jika kita lihat 216 Ahli Parlimen, bukan semua berpendidikan tinggi, malah ada yang gagal dalam SPM (Sijil Pelajaran Malaysia).

Saya rasa kita perlu memberi perhatian kepada Ahli Parlimen dengan memberikan mereka kursus hubungan etnik seperti yang diwajibkan di institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Jika sibuk sangat pun, saya rasa mereka perlu mengikuti seminar berkaitan hubungan etnik.

Tidak mengapa jika ahli politik tidak berpendidikan tinggi, tetapi mereka perlu berilmu dan berpentahuhan tinggi serta minat membaca. Tanpa minat membaca, bagaimana ahli politik mempunyai ilmu. Kita boleh lihat dalam persidangan Dewan Rakyat, Ahli Parlimen menggelar orang lain sebagai moneyt dan katak.

Sepatutnya mereka berhemah dan menghormati orang lain. Mereka sepatusnya menunjukkan teladan yang baik kerana generasi muda kini melihat kepada kewibawaan, keperibadian, ketelusuran dawaan dan sifat profesionalisme.

**?** Begitu parah hingga Ahli Parlimen perlu mengikuti kursus hubungan etnik dan negaraan.

**M**ereka tidak boleh berpandangan bahawa sebagai Ahli Parlimen, mereka bijak. Kursus hubungan antara kaum dan kenegaraan penting. Mereka juga perlu menghayati lima prinsip Rukun Negara dan Perlembagaan supaya mereka tidak melanggar prinsip itu.

Ahli Parlimen juga perlu mewujudkan pangkalan data kawasan masing-masing. Kebanyakan hanya mengetahui peratus kaum di kawasan masing-masing, itu pun dikeluarkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Sepatusnya, mereka mempunyai data mengenai peratusan orang miskin, orang kurang upaya atau interaksi hubungan kaum dengan jumlah program membabitkan pelbagai kaum. Ketidaa maklumat ini menyebabkan Ahli Parlimen tidak tahu masalah rakyat. Pengundi kini bijak dan menolak pemimpin yang gagal.

**?** Berbanding negara lain, bagaimana kedudukan kerajaan menangani isu hubungan antara kaum. **M**alaysia jauh lebih baik berbanding negara lain mengendalikan hubungan antara kaum dan kerajaan berjaya mengurusnya. Masalah hanya membabitkan ahli politik yang membangkitkan sensitiviti perkauman hingga meresahkan rakyat.

Dari segi pengurusan masyarakat, sudah baik. Kita ada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) yang menganjurkan banyak program untuk memupuk hubungan antara kaum. Begitu juga penubuhan Institut Integriti Malaysia (IIM) yang turut berperanan membantu masyarakat memahami soal integriti.

**?** Adakah ketelusuran kerajaan menyebabkan rakyat mengemukakan pelbagai tuntutan yang kadang-kadang boleh menggugat keharmonian negara.

**S**aya mengalui aluan ketelusuran dan keterbukaan, namun perlu ada kawalan dan dibuat secara berhati-hati kerana nilai ini masih baru dalam masyarakat. Pada masa sama, kita juga tidak boleh menafikan kesan globalisasi serta revolusi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang sangat mendadak. Mahu tidak mahu, kita perlu mengikutinya jika tidak mahu ketinggalan.

## PROF JAMES U H CHIN

**?** BAGAIMANA Prof melihat keadaan hubungan antara kaum di Malaysia serta persepsi masyarakat mengenai perpaduan.

**A**d du tahap mengenai hubungan antara kaum, iaitu peringkat akar umbi dan elit. Pada peringkat bawah, tidak banyak masalah seperti di kawasan perumahan yang mempunyai pelbagai kaum. Tetapi pada peringkat elit seperti parti politik, sering menimbulkan masalah. Banyak masalah dibincangkan pada 1950-an belum disesuaikan dengan keadaan sekarang. Ketika itu, Dasar Ekonomi Baru (DEB) juga belum dilaksanakan kerana bermula pada permulaan.

Perkara yang menjadi tumpuan ketika ini ialah Perkara 151, 153, Perlumbagaan yang memperuntukkan hak istimewa kepada Bumi-putera. Orang bukan Melayu tidak gembira dengan persepsi mengenai hak mereka. Ia berkaitan tiga isu utama, iaitu budaya, kedudukan ekonomi dan agama.

**?** Adakah perkara ini jika diibarkan tanpa kawalan boleh 'meletup'.

**K**erajaan tidak boleh mengawal perbincangan kerana masyarakat sudah ada alternatif lain seperti internet. Semua isu boleh dibincangkan, termasuk agama dan diskriminasi yang sebenarnya berpuncanya daripada perselisihan faham antara kaum.

Kerajaan tidak pernah memberi perhatian serius terhadap internet yang menjadi sangat penting. Kerajaan memberitahu kita boleh bin-cang, tetapi dengan bersyarat dan mengikut peraturan ditetapkan seperti hanya pakar boleh menyertai dan dibuat dalam sesi tertutup. Bagi generasi baru, semua itu mengaruh kerana mereka mahukan ketelusuran dan terbuka kepada semua.

Pada peringkat akar umbi, tiada banyak masalah. Jika saya berjirann dengan anda, kita menghadapi cabaran hidup yang sama, sama-sama bekerja cari makan. Bila nak cuti raya, saya boleh bantu jaga rumah anda, begitu juga apabila tiba Tahun Baru Cina. Tiada masalah.

Masalahnya pada peringkat politik. Alasannya ialah setiap parti dalam Barisan Nasional (BN) mahu menjadi jaguh kaum masing-masing atau sebuah parti mendominasi parti lain. Untuk memastikan kita sentiasa bergerak ke depan, kerajaan mestil mengadakan perbincangan kaum seperti di Australia yang memiliki Konvensyen Perlumbagan. Di Afrika Selatan, mereka menjemput semua wakil kaum berbinang mengenai perkara asas.

**?** Perkara asas. Apakah mak-sudnya.

**I**a adalah mengenai apa yang anda fikiran akan berlaku kepada Malaysia 100 tahun akan datang. Jika Malaysia dilihat sebagai negara pelbagai kaum, agama dan budaya, ia mestil mempunyai dasar ke arah itu.

## Pendidikan wadah terbaik pupuk perpaduan



*Tiada yang salah dengan sistem pendidikan sedia ada, tetapi perlu disesuaikan dengan mengambil kira usaha merapatkan perpaduan kaum"*

Prof James U H Chin  
Ketua Sekolah Sains Sosial Universiti Monash

Ini bukan pendapat saya, tetapi penjelasan mengenai perkara asas.

Persoalan kedua ialah apakah kedudukan Malaysia pada peringkat dunia 100 tahun lagi. Berdasarkan sejarah, negara yang ada pelbagai kaum mempunyai kekuatan membina negara. Paling mudah ialah Amerika Syarikat yang 50 peratus rakyat adalah pendatang. Selain Jepun, kebanyakan negara di dunia tidak cukup berjaya dengan hanya satu bangsa. Semua negara maju lain mempunyai pelbagai etnik dan ia bergantung kepada apa diinginkan.

**?** Bagaimana harus dimulakan bagi mengukuhkan ikatan perpaduan serta mengatasi kelonggaran sedia ada.

**M**esti bermula dengan pendidikan peringkat asas. Tiada salah dengan sistem pendidikan sedia ada, tetapi sistemnya perlu disesuaikan dengan keadaan dengan mengambil kira keperluan usaha merapatkan perpaduan kaum.

Ketika ini, suasana sekolah adalah orang Melayu dengan persekitaran Melayu, begitu juga kaum Cina, Tamil, Iban dan Kadazan. Selepas sekolah menengah, mereka menyertai Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang tidak begitu berkesan kerana nilai kehidupan sudah sebatas dalam diri peserta. Mereka boleh belajar hidup bekerjasama dalam masyarakat majmuk, tetapi nilai tidak berubah.

Sistem pendidikan adalah kunci utama kepada perpaduan kaum. Isu ketidakseimbangan juga harus diambil kira. Kerajaan selalu menyatakan orang Melayu ketinggalan berbanding Cina dan mestil diberi bantuan dan tumpuan. Masalahnya ialah statistik dan ramai orang tidak mempercayai statistik seperti laporan ekonomi orang Melayu.

Secara peribadi, saya rasakan laporan statistik itu tidak salah dan tidak juga betul. Statistik menyatakan peratusan pemilikan saham dalam Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), itu tidak tepat.

Jika pergi ke kawasan kampung di Terengganu, Pahang dan Kelantan, cuba tanya siapa yang melabur atau memiliki saham. Tanya ahli

Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) mengenai bilangan penduduk yang memiliki saham.

Kebanyakan hanya mempunyai ASB (Amanah Saham Bumiputera) dan ASN (Amanah Saham Nasional). Mereka tidak terbabit dalam paras rakyat. Masalahnya ialah peranginan, iaitu orang Melayu jauh ketinggalan di sesetengah kawasan, tetapi sesetengah orang Melayu juga berjaya seperti pemilik Perodua. Adakah mereka dikategorikan ketinggalan berbanding Cina?

**?** Pelbagai forum dan ceramah mengenai isu sensitif berkaitan kaum kini diadakan secara terbuka. Adakah ini memberi kesan terhadap hubungan kaum.

**B**erdasarkan kebanyakan forum disertai ahli politik. Tujuan forum mestil membuatkan semua orang patut gembira dengan keputusan dicapai dan mengubah mentaliti bahwa forum ini hanya untuk Melayu, Cina atau India. Kena buang mentaliti itu sebab kita perlukirik untuk rakyat Malaysia.

Jika dibuat secara tertutup, bagaimana kita hendak menyampaikan mesej kepada masyarakat. Sayangnya dengan pendapat yang menyatakan forum yang membincangkan soal perpaduan tidak membabitkan ahli politik dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Ahli politik adalah 'pemain utama' dalam hal ini. Mereka ada agenda yang mewakili parti masing-masing dan mentaliti seperti itu perlu ditukar. Jangan pegang konsep tidak mengapa biarkan satu menang, satu kalah atau sama-sama kalah. Kita mestil buat sama-sama menang. Paling penting membina kekuatan Malaysia dalam semua aspek.

**?** Situasi sekarang jauh berbeza berbanding 51 tahun lalu. Apa akan terjadi pada 49 tahun akan datang.

**K**erajaan perlu memikirkan sekarang apakah keadaan Malaysia 100 tahun akan datang. Kita perlu mencari pegangan dan acuan mulai sekarang. Jika hendak berjaya sebagai masyarakat pelbagai

kaum, ia akan jadi begitu. Terpulang kepada kita apa hendak buat.

Kita tidak boleh memaksa sesiapa menjadi kawan, tetapi kita boleh berusaha mencari ramai kawan baik. Di Singapura, mereka mengamalkan dasar setiap kawasan perumahan pangsa mesti mempunyai peratusan penduduk pelbagai kaum mengikut kuota iaitu 15 hingga 20 peratus mesti penduduk Melayu dan India. Mereka tidak membentarkan orang Cina tinggal sepuhnya di satu kawasan. Tetapi itu tidak bermakna orang Cina dan Melayu di republik itu rapat antara satu sama lain. Cara terbaik memupuk hubungan kaum ialah membangunkan interaksi antara kaum.

Kerajaan mesti menggalakkan rakyat bersuara, say tidak nam-pak cara lain. Anda boleh kata, mulai esok, tidak ada lagi Sekolah Cina, Sekolah Tamil dan semuanya mesti ke sekolah kebangsaan. Anda tahu apa akan jadi, mereka akan menghantar anak belajar di luar negara kerana tidak percayakan sistem pendidikan negara.

Di Johor Bahru, ramai pelajar dihantar ke Singapura. Ada bas sekolah khas membawa mereka seawal jam lima pagi. Alasannya mereka tidak percaya kepada kualiti pendidikan di sini. Itu pilihan mereka.

**?** Apa cadangan Prof untuk mewujudkan persefahaman antara kaum.

**E**rpaduan sebenarnya adalah suatu proses pembelajaran, ia itu keenam belajar dan dididik. Contoh paling mudah iaitu kumpulan kanak-kanak bawah umur tujuh tahun pelbagai kaum ditempatkan dalam satu bilik. Mereka akan menunjukkan buktinya.

Suatu kenyataan jelas ialah sikap perkauman adalah satu pembela-jaran, bukannya lahir semula jadi dalam diri. Ia belajar daripada kehidupan dalam masyarakat dan bergantung kepada apa yang diperlajari sepanjang proses membesar.

Sebab itu, saya cadangkan supaya menggalakkan orang ramai berkommunikasi antara satu sama lain dan berikan pendapat. Jika dihalang, mereka akan mencari alternatif lain.